

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JUN 2023

1. KURSUS INTEGRITI PENJAWAT AWAM.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menjalankan Kursus Integriti Penjawat Awam pada 15 Jun 2023. Kursus ini berlangsung di Bilik Mesyuarat secara bersemuka, di Bilik Latihan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang dan di ruang kerja masing-masing secara atas talian bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang.


Kursus ini telah dihadiri warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang seramai 85 orang. Kursus ini telah disampaikan oleh Puan ACP Liong Sau Lai, Ketua Jabatan Integriti & Pematuhan Standard dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang. Objektif kursus adalah memberi kefahaman tentang definisi integriti, konsep dan nilai-nilai integriti dalam menghayati serta mengamalkannya dan mempunyai akauntabiliti semasa menjalankan tugas dalam perkhidmatan.




Para peserta bersemuka di Bilik Mesyuarat



Para peserta secara atas talian di Bilik Latihan



Peserta secara atas talian di ruang kerja



Para peserta yang menyertai secara atas talian



Cenderahati untuk penceramah disampaikan oleh Timbalan Pengarah



Cenderahati disampaikan oleh Timbalan Pengarah

2. KURSUS GENERIK – PENGURUSAN ELAUN DAN KEMUDAHAN SEKTOR AWAM – (ZON UTARA)

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik- Pengurusan Elaun Dan Kemudahan Sektor Awam (Zon Utara) pada 20 – 22 Jun 2023. Kursus ini bertempat di Bilik Latihan Tingkat 40, JANMPP. Kursus ini telah dihadiri seramai 28 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan.

Kursus telah disampaikan oleh Puan Nur Widhayanty binti Abdul Ghani, Puan Norizalina binti Abdul Hamid dan Cik Nor Aziah binti Jaapar dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.



Penceramah bergambar bersama peserta kursus.



Para peserta bagi Kursus Elaun & Kemudahan Sektor Awam



Kursus yang telah dijalankan di Bilik Latihan JANMPP



Peserta membuat penilaian bagi Kursus Elaun & Kemudahan Sektor Awam

3. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI BULAN JUN 2023.

Bahagian Akaun Kementerian Kewangan telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi bulan Jun 2023 pada 22 Jun 2023 bermula jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM.

Warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengikuti sesi perhimpunan ini secara *live streaming* bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 42, JANMPP.

PERHIMPUNAN BULANAN JANM
JUN 2023

Tema :
INTEGRATED@JANM

22 JUN 2023 | KHAMIS | 8.30 PAGI
DEWAN SERBAGUNA ARAS 7, JANM, PUTRAJAYA

Anjuran : Bahagian Akaun Kementerian Kewangan

Bersama :
YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa C.A.(M), C.M.P. (JANM), FCPA (Aust), CPA (UK)
Akauntan Negara Malaysia

Ucapan Oleh :
Cik Saadiah Binti Yaacob
Tmbalan Pengarah BA MOF

Hebahan



Sebahagian warga JANMPP yang berada di Bilik Mesyuarat



Sebahagian warga JANMPP yang berada di Bilik Mesyuarat



Perhimpunan bulan Jun 2023 secara *live streaming*

4. MAJLIS BACAAN YASIN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI BULAN JUN 2023.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menyertai Majlis Bacaan Yasin JANM Jun 2023 secara *live streaming* pada 23 Jun 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat JANMPP bermula jam 8.30 pagi yang telah dianjurkan oleh Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) dan Agensi dengan kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN).



Hebahan



Sebahagian warga JANMPP yang berada di Bilik Mesyuarat



Warga JANMPP yang mengikuti secara *live streaming*

5. EKSA - GOTONG ROYONG PERDANA BIL 1/2023 JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG (JANMPP)

Gotong-royong Perdana Bil 1/2023 bagi EKSA telah dijalankan pada 23 Jun 2023. bertempat di Ruang Legar Seksyen Operasi bermula jam 9.30 pagi dengan bacaan doa, ucapan aluan dan pengenalan Ahli Jawatankuasa EKSA 2023/2025.

Majlis telah dirasmi oleh Puan Pengarah JANMPP, Puan Maziah binti Musa. Gotong-royong bermula jam 10.30 pagi yang melibatkan semua ruangan gunasama dan ruang kerja warga JANMPP.

GOTONG ROYONG



PERDANA BIL 1 TAHUN 2023

JUN²³
2023

9.30 PAGI

RUANG LEGAR OPERASI

PAKAIAN SUKAN

- ✓ T-SHIRT TEAMBUILDING
- ✓ SELUAR SUKAN
- ✓ KASUT SUKAN



Hebahan

GOTONG ROYONG



PERDANA BIL 1 TAHUN 2023

JUN²³
2023

TENTATIF PROGRAM

- | | |
|------------|--|
| 9.30 pagi | Bacaan Doa |
| 9.45 pagi | Ucapan Aluan Pengarah |
| 10.00 pagi | Sesi Pengenalan Ahli JK EKSA 2023/2025 |
| 10.15 pagi | Perasmian Gotong-Royong Perdana Bil 1/2023 |
| 10.30 pagi | Gotong-Royong bermula |



Tentatif program



Ucapan aluan Puan Pengarah



Perasmian gotong-royong oleh Puan Pengarah



Taklimat gotong-royong



Penglibatan warga JANMPP bagi aktiviti gotong-royong



Ruangan gunasama Bilik Latihan



Ruang kerja

6. KURSUS REFRESHER PENYELENGGARAAN LAPORAN SUKUAN PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN

Unit Pengurusan Aset Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah mengadakan Kursus Refresher Penyelenggaraan Laporan Sukuan Perakaunan Aset Bukan Kewangan pada 19 Jun 2023 bagi Sesi 1 dan 26 Jun 2023 bagi Sesi 2. Kursus ini dijalankan di Bilik Latihan, Tingkat 40 JANMPP bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi tunjuk ajar kepada PTJ tentang penyediaan laporan sukuan aset. Kursus telah disampaikan oleh Encik Muhammad Hafizul bin Md Hadzir, Encik Mat Sobri bin Mat Saad dan Puan Noor Ain Binti Tajuddin dari Unit Pengurusan Aset Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.



Peserta kursus yang hadir pada 19 Jun 2023



Peserta kursus yang hadir pada 19 Jun 2023



Peserta kursus yang hadir pada 26 Jun 2023